


B.H 5/05/07 M/S 20

*Bangunan
Sultan Abdul
Samad...*





Kronologi Bangunan Sultan Abdul Samad

- Dibina pada 1893 dan siap empat tahun berikutnya.
- Peletakan batu asasnya hanya dilakukan pada 6 Oktober 1894 oleh Gabenor Negeri Selat ketika itu, Sir Charles B H Mitchell.
- Kos pembinaannya mencecah RM152,000 menjadikannya bangunan termahal di rantau ini ketika itu.
- Arkitek yang bertanggungjawab mereka bentuk bangunan ini ialah Anthony C Norman, dibantu jurutera C E Spooner dari Britain.
- Menjadi pusat pentadbiran British sebelum merdeka dan berubah fungsi kepada bangunan pentadbiran kerajaan Selangor yang menempatkan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Majlis Mesyuarat Negeri dan Perbendaharaan Kerajaan.
- Dilanda banjir pada 1971 berikutan banjir besar di Kuala Lumpur.
- Pengubahsuaian dalaman dibuat pada 1978 yang mengambil masa enam tahun dengan kos RM17.2 juta tanpa menjejaskan bahagian luar dan kedudukan asal.
- Kerajaan memperuntukkan RM35 juta untuk projek menyelenggara dan mengubah suai Bangunan Sultan Abdul Samad yang akan dijadikan pejabat Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Catatan suka duka

B.H 5/05/07 M/S 21

Bangunan berusia 114 tahun di Jalan Raja jadi saksi keputusan penting perundangan

Oleh Nahar Tajri dan Norliza Wasilan

SELEPAS 30 tahun pelbagai keputusan penting perundangan dibuat, akhirnya Mahkamah Agung, sebahagian Mahkamah Tinggi Malaya dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang ditempatkan di bawah satu bumbung di dalam Bangunan Sultan Abdul Samad di Jalan Raja di sini, menghentikan pukulan 'tukul kayu' sebagai tanda khidmatnya sudah berakhir.

Bangunan Sultan Abdul Samad yang sebelum ini menjadi lambang kekukuhan institusi kehakiman negara sudah menyaksikan pelbagai cerita pahit manis daripada kes jenayah Botak Chin yang berakhir di

tali gantung sehingga jatuhnya seorang bekas Timbalan Perdana Menteri akibat sabitan kesalahannya. Hakikatnya, segala bentuk hukuman daripada sekecil-kecilnya sehingga kepada kesalahan paling besar sudah dicatatkan di sini.

Bangunan berusia kira-kira 114 tahun ini yang dibina pada 1893 oleh penjajah Inggeris dijadikan kompleks mahkamah pada 1978. Ia mendapat nama sempena Sultan Selangor yang memerintah dari 1857 hingga 1898, Almarhum Sultan Abdul Samad Ibni Almarhum Raja Abdullah

Pada awalnya, bangunan ini menjadi Pusat Pentadbiran Negeri-Negeri Melayu Bersekutu, Pejabat Residen Jeneral British dan Pejabat Besar Pos yang melambangkan

kemegahan British menguasai Tanah Melayu.

Walaupun bangunan lama ini terhimpit dengan bangunan pencakar langit yang lain di sekelilingnya, ia tetap signifikan kerana memiliki ciri pembinaan tersendiri, sekali gus menjadikannya warisan yang tidak ternilai harganya.

Menyedari ketinggian nilainya, Bangunan Sultan Abdul Samad ini akan dijadikan Kompleks Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KEKKWA) yang menempatkan pejabat menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen, ketua setiausaha kementerian dan agensi di bawahnya.

Rakyat Malaysia pasti sukar melupakan peristiwa Union Jack iaitu bendera British ditu-

runkan di depan bangunan ini tepat jam 12 tengah malam, 31 Ogos 1957. Sejurus selepas itu, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu, Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengisytiharkan kemerdekaan di Stadium Merdeka dan mengumumkan nama anggota Kabinetnya.

Bangunan Sultan Abdul Samad dibina bercirikan seni bina Moor yang direka bentuk oleh arkitek British, Anthony C. Norman. Bangunan dua tingkat ini didirikan di kawasan seluas 10,200 meter persegi dan tingginya ialah 57 meter. Di bawahnya, ada tempat letak kereta

untuk hakim dan pegawai mahkamah. Ia mempunyai tiga kubah dan sebuah menara jam setinggi 40 meter.

Ketika Kuala Lumpur dilanda musibah banjir besar pada 1971, bangunan ini turut terjejas dan berlaku sedikit kerosakan apabila air turut memasuki pejabatnya.

Pengubahsuaian dan pemuliharaan Bangunan Sultan Abdul Samad yang menelan belanja RM17.2 juta dibuat pada 1978 dan mengambil masa enam tahun untuk siap. Saban tahun, bangunan ini menjadi saksi perarakan kemerdekaan negara setiap tahun, selain menjadi medan sambutan acara utama negara. Walau apapun berlaku, bangunan ini adalah nadi dan imej Kuala Lumpur.





TEKUN: Masrudi (kanan) bersama pelanggan terakhirnya mendapatkan khidmat.



GIGIH: Lee (tengah) sudah hampir 20 tahun mencari rezeki dengan mengisi dokumen.

Tinggal seribu kenangan

"ANTARA kami dengan Bangunan Sultan Abdul Samad seperti sudah ada ikatan yang sukar dipisahkan." Itulah antara luahan petugas mahkamah dan penulis petisyen yang sudah berkhidmat di bangunan ini lebih 20 tahun lalu apabila ditanya perasaan mereka apabila operasi mahkamah di sini dihentikan dan dipindahkan ke Kompleks Mahkamah Jalan Duta mulai Khamis lalu.

Beliau yang bertugas sebagai jurubahasa sejak 11 tahun lalu menganggap Bangunan Sultan Abdul Samad sebagai warisan paling bernilai dan menjadi lambang keagungan negara.

"Pertama kali saya menjejak kaki ke bangunan ini pada 1982 saya tidak begitu mengetahui sejarahnya. Bagi saya bangunan ini meninggalkan kesan mendalam kepada diri saya kerana ia merakamkan pembabitkan saya dalam beberapa peristiwa besar yang berlaku dalam negara ketika di sini," katanya.

Bagi Muselamah, kes perbicaraan paling meninggalkan kesan

padanya ialah kes membabitkan Datuk Seri Anwar Ibrahim 80-an buat pertama kalinya dia melihat pelbagai gelagat manusia yang mengerumuni mahkamah untuk mengikuti proses perbicaraan.

"Ada yang memanjat pokok dan terjatuh, ada yang memaki hamun dan mengeluarkan kata-kata kesat kerana terlalu mengikut perasaan," katanya.

Beliau yang memulakan tugasnya pada 1982 sudah terlalu masak dengan kerenah perbicaraan sehingga mampu mendengar keputusan yang akan dibuat hakim berdasarkan pengamatannya terhadap kes yang dijalankan.

"Perasaan itu saya simpan dalam hati dan terbukti apabila hakim membuat keputusan. Pada saya institusi kehakiman di negara ini adil dan saksama kerana saya hanya melihat dari sudut orang biasa," katanya.

Penulis petisyen yang mahu dikenali sebagai Lee, 68, atau lebih membiasakan dirinya Apek mengakui dia sudah menawarkan khidmat sejak 20 tahun lalu dan sudah mesra dengan pelang-

gan di sekitar bangunan itu.

Berbekalkan mesin taip model 80-an, Apek pada usia 35 tahun sudah menawarkan khidmat menulis surat petisyen dan tidak pernah menghadapi masalah ketika di sana.

"Memang sedih untuk tinggal-kan tempat ini tetapi demi meneruskan hidup, saya juga akan beroperasi di kompleks mahkamah yang baru. Ini sudah kerja saya sejak dulu, susah mahu tukur kerja lain.

"Kalau dulu saya ada ramai kawan menjadi penulis petisyen tetapi kini mungkin tinggal satu-dua orang saja kerana ramai sudah beralih mencari kerja lain. Ketika ini, saya masih boleh mendapat pendapatan antara RM30 dan RM50 sehari," katanya yang mengakui jumlah itu tidak sebanyak yang diperolehi ketika komputer masih belum digunakan sepenuhnya di negara ini.

Pesara guru, Masrudi Masdur, 60, mula berjinak sebagai penulis petisyen di Bangunan Sultan Abdul Samad sejak bersara daripada perkhidmatan guru beberapa tahun lalu.

- Mempunyai tiga kubah, satu menara jam besar setinggi 40 meter dan sebuah arked selain satu serambi besar tertutup yang menjadi elemen penting bangunan ini.
- British menggelarkan rekaan itu sebagai Indian Raj.
- Seni bina berbentuk 'sarasenic' berciri kesenian kerajaan Islam Moorish dan Moghul di India.
- Pada peringkat awal, kubahnya diperbuat daripada kayu dan batu bata yang dicat warna hitam tetapi kini diganti dengan kubah bersalut tembaga melalui sumbangan Kerajaan Australia sebanyak RM200,000 untuk menyadur tembaga bagi ketiga-ketiga kubah itu pada 1982.



“Sukar untuk percaya apabila operasi mahkamah di sini dihentikan. Terlalu banyak memori”

Muselamah

Kakitangan Mahkamah